

Perlaksanaan Program Tunas Bistari Dalam Pembangunan Budaya Keusahawanan Di Sekolah-Sekolah Menengah Di Daerah Johor Bahru, Johor

Hanim Sulaiman, Mohd Hassan Mohd Osman & Khairul Nisak Othman

Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia.

Abstrak : Kajian ini adalah bertujuan untuk menilai Program Tunas BISTARI dalam pembangunan pembudayaan keusahawanan di sekolah-sekolah di daerah Johor Bahru, Johor. Penilaian ini dibuat dengan mengkaji tentang kepuasan hati pelajar-pelajar terhadap pelaksanaan Program Tunas BISTARI di mana faktor-faktor yang dinilai ialah pengurusan program, kemudahan-kemudahan latihan yang disediakan, cara penyampaian penceramah dan pengaplikasian Program oleh pelajar. Kajian ini adalah berbentuk tinjauan dan penganalisaan dengan menggunakan soal selidik dan temubual. Data-data yang diperolehi dianalisis secara peratusan menggunakan perisian computer iaitu 'Statistical Packages for the Social Science' (SPSS) versi 11.5'. Selain itu, seramai 8 orang guru pembimbing Program Tunas BISTARI ditemubual dan hasil temubual diulas dan dirumus. Dapatan kajian mendapati para pelajar sangat berpuas hati dengan pelaksanaan Program Tunas BISTARI di mana pengurusannya sesuai, baik dan teratur, kemudahan-kemudahan yang disediakan sesuai dan lengkap serta pelajar berpuas hati dengan penyampaian penceramah. Pelajar juga menyatakan bahawa mereka dapat mengaplikasikan program ini. Secara keseluruhannya, pembangunan pembudayaan keusahawanan dapat dijayakan apabila pelaksanaan Program Tunas BISTARI berjalan dengan efektif dan dapat menarik minat pelajar terhadap keusahawanan. Untuk memastikan Program Tunas BISTARI terus dilaksanakan, pelbagai pihak seperti pihak Johor Corporation, Jabatan Pelajaran Negeri, sekolah, guru dan pelajar perlu memainkan peranan masing-masing. Antara cadangan yang dikemukakan adalah pihak sekolah perlu bekerjasama dengan agensi-agensi luar bagi memperkenalkan program ini kepada masyarakat. Aktiviti-aktiviti keusahawanan disekolah perlu diperbanyakkan dan penyertaan program ini perlu diperluaskan dan tidak diterhadkan. Ini adalah untuk memupuk budaya keusahawanan di kalangan pelajar tidak mengira umur atau kaum.

Katakunci : tunas bistari, budaya keusahawanan

Pengenalan

Dalam usaha membangunkan negara, pembangunan ekonomi adalah sangat penting. Dan dalam pembangunan ekonomi, bidang keusahawanan adalah salah satu bidang utama yang menjana ekonomi negara. Menurut Ab. Aziz (2000), keusahawanan adalah merupakan suatu bentuk disiplin yang menjadi tonggak kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Selain daripada itu, beliau menyatakan bahawa keusahawanan merupakan aktiviti yang akan dapat menggerakkan dan merangsang kejayaan serta peningkatan di dalam pembangunan ekonomi.

Menurut Nor Aishah (2002) usahawan dianggap sebagai penggerak kepada pembangunan ekonomi sesebuah masyarakat dan negara. Ini disokong oleh Zaidatol Akmaliah dan Habibah (1997) di mana mereka menyatakan bahawa usahawan dapat membantu negara menjadi makmur dalam erti kata lain dapat menyumbang tenaganya kepada pembangunan ekonomi dan sosial.

Oleh itu, pihak kerajaan perlu menumpukan perhatian kepada golongan ini di mana pendidikan keusahawanan perlu didedahkan dari peringkat sekolah. Menurut Nor Aishah (2002) pembentukan usahawan melalui pendidikan adalah sangat perlu. Dan menurut beliau lagi kerajaan Malaysia masih merupakan nadi utama dalam melahirkan usahawan Bumiputera melalui pelaksanaan pelbagai program pembangunan. Di sini dapat dilihat bahawa pendidikan keusahawanan perlu diperkukuhkan dengan adanya program-program latihan keusahawanan sebagai tambahan.

Johor Corporation adalah sebuah organisasi korporat merupakan salah satu badan kerajaan yang telah berinisiatif mewujudkan program latihan keusahawanan. Antara program yang di kendalikan oleh Johor Corporation adalah seperti Didik BISTARI untuk pelajar sekolah rendah, Tunas BISTARI untuk pelajar sekolah menengah, Siswa BISTARI untuk pelajar untuk pelajar Universiti Teknologi MARA dan BISTARI untuk para usahawan dan eksekutif Bumiputera.

Kesimpulannya bidang keusahawanan sangat penting kepada individu, masyarakat dan negara bagi meningkatkan taraf hidup serta kemajuan pembangunan negara. Untuk mencapai tujuan tersebut, pendidikan keusahawanan yang dijalankan di sekolah perlu disertakan dengan kewujudan program-program latihan keusahawanan sebagai tambahan bagi memupuk budaya keusahawanan di kalangan pelajar dan menarik minat mereka memilih bidang ini sebagai kerjaya.

Penyataan Masalah

Berdasarkan kepada latar belakang masalah dapat dinyatakan di sini tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui adakah pelaksanaan Program Tunas BISTARI yang dianjurkan oleh Johor Corporation di sekolah-sekolah menengah di daerah Johor Bahru, Johor dapat memupuk budaya keusahawanan di kalangan pelajar. Dapat dilihat di sini tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat pelaksanaan Program Tunas BISTARI dalam pembangunan pembudayaan keusahawanan di sekolah-sekolah di daerah Johor Bahru, Johor.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk :

- i. Mengenalpasti sama ada pengurusan Program Tunas BISTARI sesuai, baik dan teratur.
- ii. Mengenalpasti sama ada kemudahan- kemudahan latihan yang disediakan dalam Program Tunas BISTARI sesuai dan lengkap.
- iii. Mengenalpasti sama ada pelajar berpuas hati dengan kualiti penyampaian penceramah dalam Program Tunas BISTARI.
- iv. Mengenalpasti sama ada Program Tunas BISTARI dapat diaplikasikan oleh pelajar.

Kepentingan Kajian

Terdapat pelbagai program latihan keusahawanan yang telah dilaksanakan untuk membudayakan keusahawanan. Budaya keusahawanan menjadi salah satu faktor penting dalam melahirkan usahawana bumiputera yang berjaya selain daripada pendidikan keusahawanan. Ini turut disokong oleh Ab. Aziz Yusof (2000) yang menyatakan pembudayaan keusahawanan adalah aspek penting dalam pembangunan usahawan dan beliau juga menyatakan pembudayaan keusahawanan akan melahirkan usahawan yang kreatif dalam mencari jalan penyelesaian terhadap sebarang permasalahan yang dihadapi.

Pengkaji berharap agar kajian yang dijalankan ini dapat :-

- i. Membantu pihak Johor Corporation dalam mengenalpasti kekurangan program dan memberi panduan seterusnya membantu dalam mempertingkatkan program Tunas BISTARI
- ii. Menyedarkan pelbagai pihak seperti Kementerian Pendidikan, sekolah dan guru, ibu bapa dan masyarakat tentang kepentingan pembudayaan keusahawanan dan seterusnya membantu pelajar mendalami bidang keusahawanan.
- iii. Membantu pelajar mengenali Program Tunas BISTARI dan menyedarkan mereka tentang kepentingan program ini.

Skop Kajian

Kajian ini hanya terbatas kepada pelajar bumiputera tingkatan dua dan empat yang menyertai Program Tunas BISTARI dari Sekolah Menengah yang terpilih di daerah Johor Bahru.

Rekabentuk Kajian

Kajian yang dilakukan adalah berbentuk deskriptif atau keperihalhan iaitu jenis kajian untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah berbentuk tinjauan dan penganalisaan iaitu menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif dengan menggunakan soal selidik dan temubual. Soal selidik diedarkan kepada responden iaitu pelajar sekolah menengah yang menyertai Program Tunas BISTARI untuk dijawab bagi mendapatkan maklumat dan data yang menepati objektif kajian mengenai Program Tunas BISTARI yang dianjurkan oleh Johor Corporation di sekolah-sekolah menengah Negeri Johor untuk mengetahui sama ada program ini dapat memupuk budaya keusahawanan di kalangan pelajar. Temubual dijalankan kepada responden iaitu guru pembimbing yang membimbing Program Tunas BISTARI di sekolah menengah bagi mendapat maklumat tentang keberkesanan Program Tunas BISTARI yang telah dijalankan di sekolah kepada para pelajar yang terlibat.

Populasi Kajian

Populasi kajian adalah pelajar-pelajar bumiputera tingkatan dua dan empat dari empat buah sekolah menengah di daerah Johor Bahru yang menyertai Program Tunas BISTARI dan guru pembimbing yang menyelia dan mengawasi Program Tunas BISTARI. Seramai 60 orang pelajar yang terlibat dalam kajian ini di mana setiap sekolah mempunyai 15 orang pelajar sahaja yang menyertai Program Tunas BISTARI dan seramai 8 orang guru pembimbing yang terlibat dalam kajian ini di mana setiap sekolah hanya mempunyai 2 orang guru pembimbing Program Tunas BISTARI.

Sampel Kajian

Kajian ini menggunakan persampelan rawak mudah untuk menentukan sampel. Azizi Yahaya, *et al.* (2007) menyatakan persampelan rawak mudah ialah proses mencabut sampel di mana unit-unit dipilih secara individu dan langsung melalui proses yang rawak. Terdapat 13 buah sekolah menengah di daerah Johor bahru yang menyertai Program Tunas BISTARI. Menurut Mohamad Najib (1999) menyatakan ada yang menyarankan 30 peratus daripada populasi dan ada yang berkata jumlah 30 peratus sampel sudah mencukupi. Satu pertiga iaitu 4 buah sekolah dari jumlah 13 buah sekolah akan dipilih secara rawak. Cara bagi membuat pemilihan secara rawak adalah dengan menulis nama-nama sekolah ini di atas kertas kecil yang

berbeza kemudian kertas ini dilipat. Kertas-kertas yang dilipat dimasukkan ke dalam satu bekas dan digoncang kemudian kertas-kertas tersebut dipilih secara rawak.

Sampel kajian terdiri daripada empat buah sekolah di mana setiap sekolah mempunyai 15 orang pelajar bumiputera tingkatan dua dan empat yang menyertai Program Tunas BISTARI serta 2 orang guru pembimbing Program Tunas BISTARI. Maka, keseluruhan pelajar yang terlibat adalah seramai 60 orang pelajar dan guru yang terlibat seramai 8 orang.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik yang diedarkan kepada sampel-sampel yang terpilih. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah hasil pengubahsuaian dari soalan soal selidik pengkaji yang lepas iaitu kumpulan perunding Universiti Teknologi Malaysia yang terdiri daripada Prof. Madya Dr. Mohd Hassan bin Mohd Osman, Prof. Madya Dr. Hishamuddin bin Md. Som dan En. Mohd Fitri bin Khamis dalam projek kajian analisis keperluan latihan keusahawanan. Pengkaji menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan maklumat dan data adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut :-

- i. Untuk mendapatkan data yang lebih tepat. Ini kerana soal selidik menjamin maklumat yang diberikan adalah sulit dan hanya digunakan untuk penyelidikan sahaja dan ini membolehkan isu yang agak sensitif dan melibatkan perasaan turut dapat dikaji.
- ii. Dengan menggunakan kaedah ini, pengkaji dapat mengurangkan masa, perbelanjaan (kos) dan tenaga.
- iii. Soal selidik dapat melibatkan topik yang banyak serta boleh disampaikan ke lokasi yang berbeza.
- iv. Soal selidik juga mudah dijawab responden dan responden bebas menjawab soalan tanpa sebarang gangguan.

Kajian ini juga menggunakan kaedah temubual untuk mengumpulkan maklumat. Temubual dijalankan kepada sampel-sampel terpilih. Mohamad Najib (1999) menyatakan temubual adalah salah satu cara yang paling mudah dan telah lama digunakan untuk mengukur. Pengkaji menggunakan temubual sebagai instrumen untuk mendapatkan maklumat adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut :-

- i. Kaedah ini fleksibel di mana seseorang yang ditemubual boleh menerangkan perkara yang tidak difahami dengan lebih lanjut.
- ii. Penemubual boleh membuat pemerhatian terhadap sampel yang ditemubual dan dengan ini boleh menentukan sesuatu perkara berdasarkan reaksi yang diberi.
- iii. Seperti mana dalam kaedah perbualan biasa, pertukaran penerangan boleh berlaku antara penemubual dan sampel.

Kajian Rintis

Sebelum sesuatu kajian sebenar dilakukan, pengkaji akan membuat kajian rintis dengan memilih sampel-sampel yang telah mengikuti Program Tunas BISTARI. Pengkaji mengenal pasti 10 individu yang telah mengikuti program ini dan mengedarkan soal selidik kepada mereka. Kajian ini dilaksanakan bagi menguji set soal selidik. Kajian ini membolehkan pengkaji memperbaiki kekaburan dan kekurangan soal selidik. Kajian rintis telah dijalankan di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan di kawasan Skudai. Seramai 10 orang pelajar iaitu ahli Program Tunas BISTARI telah menjadi sampel kajian. Hasil kajian rintis mendapati kebolehpercayaan item-item soal selidik adalah 0.95 dan ini menunjukkan soal selidik ini sesuai digunakan dengan

merujuk kepada kenyataan Mohd Majid (1990) di mana pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.6 sering digunakan.

Jadual 1 : Taburan Responden Mengikut Peratusan, Kekerapan dan Min Keseluruhan Bagi Setiap Persoalan Kajian.

Respon		TS		TP		S		Min (Tahap)
		F	%	F	%	F	%	
1.	Pengurusan Program Latihan Tunas BISTARI sesuai, baik dan teratur	1	1.3	12	19.3	48	79.3	4.04 (Tinggi)
2.	Kemudahan-kemudahan latihan yang disediakan dalam Program Tunas BISTARI sesuai dan lengkap	1	1.7	11	19.0	48	79.3	4.07 (Tinggi)
3.	Pelajar berpuas hati dengan cara penyampaian penceramah dalam Program Tunas BISTARI	1	1.3	10	16.7	49	82.1	4.08 (Tinggi)
4.	Program Tunas BISTARI dapat diaplikasikan oleh pelajar	0	1	8	14	51	85.3	4.11 (Tinggi)
JUMLAH PURATA/ MIN		1	1.3	10	17.2	49	81.5	4.08 (Tinggi)

F = Kekerapan


Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut peratusan, kekerapan dan min secara keseluruhan bagi setiap persoalan kajian. Berdasarkan jadual, tahap keseluruhan bagi kesemua persoalan kajian berada pada tahap tertinggi di mana min keseluruhannya adalah 4.08.

Berdasarkan jadual tersebut, persoalan kajian yang keempat mempunyai min keseluruhan yang tertinggi iaitu 4.11 dimana seramai 51 orang responden atau 85.3 peratus responden menyatakan bahawa mereka dapat mengaplikasikan Program Tunas BISTARI dimana program ini memenuhi keperluan dan menambah pengetahuan responden tentang keusahawanan manakala persoalan kajian yang pertama memperoleh min terendah iaitu sebanyak 4.04 dimana 79.3 peratus responden atau seramai 48 orang responden menyatakan bahawa pengurusan Program Tunas BISTARI ini sesuai, baik dan teratur.

Secara keseluruhannya, Program Tunas BISTARI ini diuruskan dengan sesuai, baik dan teratur. Kemudahan-kemudahan yang disediakan dalam program ini sesuai dan lengkap. Jadual 4.9 ini juga menunjukkan bahawa responden berpuas hati dengan cara penyampaian penceramah


dan responden juga menyatakan bahawa mereka dapat mengaplikasikan Program Tunas BISTARI. Ini jelas ditunjukkan pada jadual 1 di mana setiap persoalan kajian mempunyai tahap min yang tinggi.

Rajah 1 : Peratusan Keseluruhan Pilihan Responden



Rajah 1 menunjukkan peratus keseluruhan bagi pilihan responden untuk semua persoalan kajian. Peratusan responden yang bersetuju adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 81.5 peratus dan peratusan responden yang tidak bersetuju adalah paling rendah iaitu 1.3 peratus. Bagi 17.2 peratus responden pula memilih untuk menjawab tidak pasti.

Rajah 2 : Min Keseluruhan Bagi Kesemua Persoalan Kajian



Rajah 2 menunjukkan min keseluruhan bagi kesemua persoalan kajian yang berkaitan aspek pengurusan Program Tunas BISTARI, Kemudahan program, penyampaian penceramah dan pengaplikasian Program Tunas BISTARI. Kesemua persoalan kajian berada pada tahap yang tinggi. Persoalan kajian keempat mempunyai nilai min yang tertinggi iaitu 4.11 diikuti dengan persoalan kajian ketiga iaitu 4.08. seterusnya min ketiga tertinggi adalah bagi persoalan kajian kedua iaitu 4.07 dan persoalan kajian pertama mempunyai min yang terendah tetapi masih dalam tahap tinggi iaitu 4.04.

Perbincangan

Secara keseluruhannya, tahap pengurusan Program Tunas BISTARI adalah sesuai, baik dan teratur berada pada tahap tinggi kerana min keseluruhannya 4.04 dimana peratus keseluruhan bagi responden yang berpuas hati dengan pengurusan program ini adalah 79.3 peratus iaitu 48 orang responden. Situasi ini menggambarkan bahawa dari segi aspek pengurusan Program Tunas BISTARI ianya telah di rancang dan dilaksanakan dengan berkesan dalam mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah ataupun penganjur.

Setiap responden juga diberikan maklumat terkini serta pemberitahuan awal berkaitan dengan perjalanan sesuatu Program Tunas BISTARI oleh pihak pengurusan Tunas BISTARI. Responden dimaklumkan tentang tarikh dan masa program latihan terlebih dahulu supaya responden dapat membuat persediaan yang diperlukan dalam menjalankan sesuatu Program Tunas BISTARI. Ini terbukti dalam item yang ketiga yang mempunyai min yang berada pada tahap tinggi iaitu 4.05 di mana sebanyak 80 peratus responden (48 orang) berpuas hati dengan maklumat tersebut.

Secara kesimpulannya, pengurusan Program Latihan Tunas BISTARI di sekolah-sekolah mencapai tahap yang sesuai, baik dan teratur. Prestasi ini perlu dikekalkan dalam menarik minat responden untuk terus berada di dalam Program Tunas BISTARI. Seterusnya mencapai matlamat untuk membangunkan budaya keusahawanan ini di kalangan responden.

Daripada kajian yang dijalankan, didapati kemudahan-kemudahan latihan yang disediakan dalam Program Tunas BISTARI adalah sesuai dan lengkap dan berada pada tahap tinggi. Keadaan ini menunjukkan kemudahan latihan yang disediakan dapat meningkatkan pembudayaan budaya keusahawanan di kalangan responden. Item enam hingga item sepuluh menunjukkan min tahap tinggi dengan min keseluruhannya ialah 4.07.

Kemudahan yang lengkap bagi peralatan ataupun Bahan Bantu Mengajar (BBM) juga didapati penting dalam pelaksanaan Program Tunas BISTARI. Didapati min bagi item ketujuh adalah pada tahap yang tinggi iaitu 4.12 di mana seramai 52 orang responden (86.7 peratus) menyatakan terdapat kemudahan alat bantu mengajar dalam program ini. BBM memainkan peranan yang sama penting dengan bilik atau dewan yang kondusif. BBM yang ada perlulah boleh digunakan dan perlu sentiasa diseliasa supaya dapat digunakan untuk program-program akan datang. Contoh BBM seperti bahan-bahan dari CD, carta, risalah dan sebagainya. BBM perlu kelihatan menarik agar dapat menarik minat responden untuk menumpukan perhatian.

Kesimpulannya, responden berpuas hati dengan kemudahan dan kelengkapan yang disediakan bagi tujuan latihan untuk Program Tunas BISTARI. Penyelidik berpendapat kemudahan-kemudahan yang sesuai dan lengkap dalam Program Latihan Tunas BISTARI telah dapat meningkatkan minat pelajar di samping dapat membudayakan nilai keusahawanan di kalangan responden.

Persoalan kajian ketiga terdiri daripada item 11 sehingga item 18. Berdasarkan secara keseluruhan, responden berpuas hati dengan cara penyampaian penceramah dalam menjayakan Program Tunas BISTARI. Min keseluruhan bagi persoalan ini berada pada tahap tinggi dengan 4.08 dimana terdapat seramai 49 orang responden (82.1 peratus) yang berpuas hati dengan cara penyampaian penceramah.

Seramai 49 orang responden atau 81.7 peratus responden juga beranggapan bahawa penceramah perlulah seorang yang mahir, teratur dan membuat persediaan mengajar. Penyelidik mendapati persediaan penceramah dari segi Bahan Bantu Mengajar (BBM) amatlah penting sebab ia dapat mempengaruhi cara penyampaian penceramah supaya menjadi lebih berkesan di samping dapat memudahkan pemahaman responden. Ini ditunjukkan dalam jadual 4.7 dimana 49

orang responden iaitu 81.7 peratus responden bersetuju bahawa penceramah perlulah seorang yang mahir, teratur dan membuat persediaan mengajar.

Secara keseluruhannya, responden berpuas hati dengan cara penyampaian penceramah kerana daripada hasil kajian menunjukkan nilai min pada tahap tinggi iaitu 4.13. Secara keseluruhannya, responden berpuas hati dengan cara penyampaian penceramah dalam Program Tunas BISTARI.

Rujukan

- Ab. Aziz Yusof. (2000b). *Usahawan dan Keusahawanan: Satu Penilaian*. Petaling Jaya, Selangor: Prentice Hall.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dlam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Bruce R. Barringer and R. Duane Ireland. (2008). *Entrepreneurship : Successfully Launching New Ventures*. Upper Saddle River, N.J.: Prentice Hall.
- Donald L. Kirkpatrick. (1998). *Evaluating Training Programs*. San Francisco: Barrett-Koehler Publisher, Inc.
- Marc J. Dollinger. (1995). *Enterpreneurship: Strategies and Resources*. Sydney, Australia: William Schoof.
- Nor Aishah Buang. (2002). *Asas Keusahawanan*. Shah Alam, Selangor: Penerbit Fajar Bakti SDN. BHD.
- Wan Liz Ozman Wan Omar dan Sulzari Mohamed. (2002). *Memperkasakan Usahawan : Panduan Lengkap Pengurusan Perniagaan Dan Penjanaan Usahawan*. Cheras, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distribution SDN BHD.
- Widad Othman. (1995). *Entrepreneurship and Vocational Education : Identifying The Classroom Practise of Vocational Education Teacher Towards Intergrating Selected Areas of Entrepreneurship Education Perceived as Important by Entrepreneurs*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ph.D.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Elias. (1997a). *Keusahawanan dan motivasi diri*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.